



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAMACARE & MYPAPACARE UBAH LANSKAP URUTAN TRADISIONAL

SRI AMAN, 20 April 2018 : Program urutan MamaCare & MyPapaCare di bawah Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) salah satu agensi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjaya mengubah lanskap pekerjaan urutan tradisional iaitu bidan kampung kepada satu perkhidmatan professional dan diiktiraf di negara ini malah di peringkat antarabangsa.

Majlis Penutup Program Latihan Kapasiti Kesejahteraan Lelaki dan Wanita bagi MamaCare dan MyPapaCare telah diadakan hari ini di sini telah dirasmikan oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat.

Program yang dianjurkan ini adalah untuk memperkenalkan Program MyPapaCare di Sarawak terutamanya melalui Bengkel Pembangunan Kapasiti Kesejahteraan Lelaki dan memperkasakan Program MamaCare yang sedia ada dengan mengadakan Bengkel Pembangunan Kapasiti Penjagaan Ibu Selepas Bersalin.

Program Latihan Kapasiti Kesejahteraan Lelaki dan Wanita dalam Majlis Penutup ini mendapat sambutan seramai 20 orang peserta MyPapaCare dan 30 orang peserta MamaCare.

Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata dalam ucapan perasmiannya, Program ini diadakan untuk mengangkat martabat perkhidmatan urutan tradisional ini yang pada mulanya hanya terdapat di kawasan luar bandar dan seterusnya memperkenalkan perkhidmatan ini kepada masyarakat yang berada di kawasan bandar melalui Program MamaCare dan MyPapaCare.

Program MamaCare dan MyPapaCare yang menyediakan perkhidmatan urutan

tradisional dan terapi penjagaan wanita bersalin serta terapi kesejahteraan lelaki ini adalah berobjektif untuk meningkatkan tahap kesejahteraan dan kesihatan luaran serta dalaman.

Rohani turut menyentuh, kebanyakan kes-kes Keganasan Rumah Tangga dan Konflik Rumah Tangga bermula daripada lelaki, justeru itu, MyPapaCare juga turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kesejahteraan rumah tangga dan memperkasakan ketua keluarga di dalam institusi kekeluargaan melalui terapi kesejahteraan lelaki.

Turut sama memeriahkan majlis adalah Azman Mohd. Yusof Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Dato' Mariam Mas Yacob Pengerusi LPPKN, Tuan Indit Bingai Residen Bahagian Sri Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak dan Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Negeri Sarawak, pegawai-pegawai dari Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Email: info@kpwkm.gov.my